



## PERTANDINGAN VIDEO KREATIF KESIHATAN SEKSUAL & REPRODUKTIF REMAJA PERINGKAT KEBANGSAAN 2017

Anjuran:  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### BORANG PENYERTAAN

**Nama Penuh** : \_\_\_\_\_  
(Nama Ketua – bagi \_\_\_\_\_ (mengikut kad pengenalan)  
penyertaan berkumpulan) (Bagi penyertaan berkumpulan, sila isikan butiran ahli-ahli di Lampiran B)

**Kategori Pertandingan**      Kategori I       Kategori II       Kategori III   
(13-15 tahun)      (16-18 tahun)      (19-24 tahun)  
(tandakan ✓ pada kotak yang berkenaan)

**No. Kad Pengenalan** : \_\_\_\_\_ **Umur** : \_\_\_\_\_

**Jantina** : **Lelaki**       **Perempuan**

**Alamat** : \_\_\_\_\_  
**Surat-menyurat** : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**Nombor Telefon** : \_\_\_\_\_

**Alamat Emel** : \_\_\_\_\_

**Perakuan** : Dengan ini, saya/kami mengesahkan bahawa penyertaan yang disertakan ini adalah hasil karya asal saya/kami. Saya/kami bersetuju dengan semua syarat-syarat pertandingan ini.

**Tandatangan** : \_\_\_\_\_ **Tarikh** : \_\_\_\_\_

#### Untuk Kegunaan Pejabat

**Dokumen Penyertaan** : **Lengkap**       **Tidak Lengkap**

**Penerimaan** : **Tarikh** \_\_\_\_\_ **Masa** \_\_\_\_\_

**No. Daftar Peserta** : **Kategori I**       **Kategori II**       **Kategori III**

**Nama Penerima** : \_\_\_\_\_

**Tandatangan** : \_\_\_\_\_ **Tarikh** : \_\_\_\_\_

**\*\*Nota:** Borang yang **TIDAK LENGKAP** dan **TIDAK DITANDATANGAN** oleh peserta dikira **TIDAK LAYAK** menyertai pertandingan ini.



## PERTANDINGAN VIDEO KREATIF KESIHATAN SEKSUAL & REPRODUKTIF REMAJA PERINGKAT KEBANGSAAN 2017

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN

**Nama Ahli (1)**

(mengikut kad pengenalan)

**No. Kad Pengenalan** : \_\_\_\_\_ **Umur** : \_\_\_\_\_  
**Perhubungan** : **No. Telefon** \_\_\_\_\_ **Emel** : \_\_\_\_\_

**Nama Ahli (2)**

(mengikut kad pengenalan)

**No. Kad Pengenalan** : \_\_\_\_\_ **Umur** : \_\_\_\_\_  
**Perhubungan** : **No. Telefon** \_\_\_\_\_ **Emel** : \_\_\_\_\_

**Nama Ahli (3)**

(mengikut kad pengenalan)

**No. Kad Pengenalan** : \_\_\_\_\_ **Umur** : \_\_\_\_\_  
**Perhubungan** : **No. Telefon** \_\_\_\_\_ **Emel** : \_\_\_\_\_

**Nama Ahli (4)**

(mengikut kad pengenalan)

**No. Kad Pengenalan** : \_\_\_\_\_ **Umur** : \_\_\_\_\_  
**Perhubungan** : **No. Telefon** \_\_\_\_\_ **Emel** : \_\_\_\_\_

**\*\*Nota:** Borang yang **TIDAK LENGKAP** diisi oleh peserta dikira **TIDAK LAYAK** menyertai pertandingan ini.



**PERTANDINGAN VIDEO KREATIF  
KESIHATAN SEKSUAL & REPRODUKTIF REMAJA  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2017**

Anjuran:  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**BORANG KEBENARAN IBU BAPA  
(BAGI PESERTA BERUMUR DI BAWAH 18 TAHUN)**

Saya \_\_\_\_\_ (Ibu / Bapa / Penjaga\*) No. Kad  
Pengenalan \_\_\_\_\_ membenarkan anak / anak jagaan  
saya \_\_\_\_\_ No. Kad Pengenalan \_\_\_\_\_  
menyertai Pertandingan Video Kreatif Kesihatan Seksual dan Reproduksi Remaja Peringkat  
Kebangsaan 2017 anjuran Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian  
Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
(Ibu Bapa / Penjaga)

Tarikh : \_\_\_\_\_

\*Potong mana yang tidak berkenaan.



**PERTANDINGAN VIDEO KREATIF  
KESIHATAN SEKSUAL & REPRODUKTIF REMAJA  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2017**

Anjuran:  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**BORANG PERSETUJUAN MENGGUNAKAN GAMBAR/IMEJ INDIVIDU**

Saya \_\_\_\_\_ No. Kad Pengenalan

\_\_\_\_\_ bersetuju bahawa gambar / imej saya digunakan untuk penerbitan klip video bagi Pertandingan Video Kreatif Kesihatan Seksual dan Reproktif Remaja Peringkat Kebangsaan 2017 yang dianjurkan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_



**TERMA DAN SYARAT  
PERTANDINGAN VIDEO KREATIF KESEHATAN SEKSUAL & REPRODUKTIF REMAJA  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2017**

**A. Maklumat Pertandingan**

1. Pertandingan Video Kreatif Kesihatan dan Seksual Remaja Peringkat Kebangsaan 2017 adalah anjuran Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Tempoh pertandingan ini adalah selama **tiga (3) bulan bermula dari 1 Jun hingga 31 Ogos 2017**.
3. Tema pertandingan adalah **'Hargai Diri, Amalkan Gaya Hidup Sihat'** (*'Value Yourself, Practice Healthy Lifestyle'*).

**B. Terma dan Syarat Pertandingan**

1. Pertandingan ini adalah terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 13 hingga 24 tahun mengikut kategori seperti berikut:
  - **Kategori I (13 – 15 tahun)**
  - **Kategori II (16 – 18 tahun)**
  - **Kategori III (19 – 24 tahun)**
2. Penyertaan adalah **PERCUMA**.
3. Setiap peserta boleh menghantar **lebih dari satu penyertaan**. Hanya **satu penyertaan sahaja** yang layak untuk memenangi hadiah pertandingan.
4. Penyertaan boleh dikemukakan secara **individu (LAMPIRAN A) atau berkumpulan (LAMPIRAN A & B)**.
5. Bagi penyertaan secara berkumpulan, ahli-ahli kumpulan **mestilah dalam kategori umur yang sama**.
6. Genre terbuka seperti **animasi, drama, sketsa, komedi dan dokumentari**.
7. Bagi video berbentuk animasi, penggunaan aplikasi yang mempunyai *watermark* seperti **Powtoon, Vivavideo, Moovly, Wideo, Go Animate, Prezi, Keynote, Prezentit dan Slide Rocket** adalah **tidak dibenarkan**.
8. Peserta dan pelakon **di bawah umur 18 tahun** yang terlibat dalam penghasilan video perlu mengisi **Borang Keizinan Ibubapa/ Penjaga (LAMPIRAN C)**.
9. Setiap produksi boleh melibatkan seberapa ramai pelakon.
10. Kos penyediaan video adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.

## 11. Tema dan tajuk

Konsep video adalah berdasarkan tema '**Hargai Diri, Amalkan Gaya Hidup Sihat**' (*Value Yourself, Practice Healthy Lifestyle*).

Remaja melalui satu fasa perkembangan dalam mencari dan membentuk identiti diri. Persekitaran sosial, didikan keluarga, tekanan rakan sebaya, media sosial dan lain-lain faktor boleh mempengaruhi pencarian dan pembentukan identiti diri.

Sebahagian remaja menempuh fasa ini dengan baik melalui sokongan keluarga, sekolah, dan rakan sebaya yang positif.

**Bagi setiap penyertaan**, peserta hendaklah memilih **salah satu daripada 3 skop utama** seperti berikut :

- **Skop 1 : Gender dan Seksualiti**

Gender adalah bagaimana seseorang melihat peranan dan pendirian dirinya sebagai seorang wanita atau lelaki hasil pembentukan sosial dan budaya.

Seksualiti adalah penting dalam kehidupan manusia dari aspek fizikal, kognitif, emosi, sosial dan spiritual.

- **Skop 2 : Kesihatan Reproduksi**

Kesihatan Reproduksi adalah komponen penting dalam kesihatan remaja. Penjagaan kesihatan reproduktif membantu pembentukan remaja yang sihat dan sejahtera sepanjang hayat.

- **Skop 3 : Seks Siber**

Aktiviti dan kandungan di dalam internet yang meransang, mempengaruhi dan mengeksploitasi seksualiti remaja yang boleh mengancam pembentukan remaja yang sejahtera.

## 12. Isi Kandungan Video (PENTING)

Peserta hendaklah memastikan **kandungan video** yang dihasilkan mempunyai **kriteria dan aspek** berikut:

- Pandangan dan pemahaman mengenai skop yang dipilih
- Mengenalpasti cabaran, implikasi dan cara menanganinya
- Menepati tema 'Hargai Diri, Amalkan Gaya Hidup Sihat'
- Memperkasakan remaja dalam mendapatkan sokongan dan bantuan
- Penyampaian video dalam bentuk **positif** dan **kreatif**

13. Tempoh klip video adalah **tidak melebihi 3 minit**. Tempoh ini termasuk **montaj dan kredit (penghargaan)**.

14. Peserta boleh menggunakan **Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris**.

15. Hasil karya hendaklah sesuai untuk diterbitkan dan dipapar dalam segala bentuk media video. Format yang dibenarkan adalah **AVI, WMV, MOV, FLV dan MP4**.

16. **Resolusi minima video** yang dihantar:
  - Kategori I dan II adalah video HD - 720p (720 x 1280 pixel resolution)
  - Kategori III adalah video Full HD – 1080p (1920 x 1080 pixel resolution)
17. **Peserta perlu memuatnaik video yang ingin dipertandingkan di platform Google Drive.** Kongsikan pautan video (link video) tersebut ke alamat emel [videorh2017@gmail.com](mailto:videorh2017@gmail.com)
18. Pastikan semua muzik yang digunakan **berstatus bebas royalti**. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hak cipta.
19. Pastikan **semua gambar individu / imej yang diguna perlu mendapat persetujuan bertulis** dengan melengkapkan **Borang Persetujuan Menggunakan Gambar/Imej Individu (LAMPIRAN D)**.
20. Peserta hendaklah menyediakan **sinopsis atau ringkasan isi kandungan video**. Format sinopsis/ringkasan adalah menggunakan jenis *font* arial, saiz tulisan 12 dan *single spacing* (**LAMPIRAN E**).
21. Karya yang dihasilkan adalah manifestasi kreativiti peserta, mengandungi nilai-nilai murni dan **tidak boleh** mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan, politik dan pemimpin.
22. Setiap penyertaan mestilah merupakan **kerja asal/asli**.
23. Semua penyertaan **tidak boleh dimuat naik ke mana-mana portal** sebelum mendapat kebenaran penganjur.
24. Setiap hasil karya juga mestilah **tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan video**.
25. **Penyertaan akan dibatalkan** sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan **tidak asli/diciplak**.
26. Sebarang pelanggaran syarat-syarat di atas akan membatalkan penyertaan.
27. Sijil Penyertaan hanya diberikan kepada peserta yang menghantar penyertaan lengkap dan memenuhi syarat sahaja.

### **C. Tuntutan Hak Cipta**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memiliki hakcipta sepenuhnya terhadap karya yang dihasilkan.
2. KKM berhak menggunakan karya penyertaan untuk tujuan promosi program/ perkhidmatan kesihatan remaja dan dalam semua bentuk promosi kesihatan yang lain.
3. KKM berhak untuk membuat suntingan terhadap video penyertaan bagi tujuan pendidikan, penyiaran dan promosi kesihatan.



#### **D. Keputusan Pertandingan**

1. Setiap karya akan dinilai keaslian, isi kandungan, konsep dan kreativiti serta kualiti produksi oleh panel juri yang dilantik oleh pihak penganjur.
2. Keputusan panel juri adalah muktamad. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.
3. Pemenang akan dihubungi melalui pos, telefon dan emel.

#### **E. Tempoh Pertandingan**

1. Pertandingan bermula pada **1 Jun hingga 31 Ogos 2017** selama 3 bulan.
2. Tarikh tutup pertandingan adalah pada **31 Ogos 2017**.
3. Penyertaan yang lengkap hendaklah dimuatnaik ke alamat emel [videosrh2017@gmail.com](mailto:videosrh2017@gmail.com) dengan menyertakan perkara berikut:
  - i. Link Video
  - ii. Borang Penyertaan
  - iii. Sinopsis Video
  - iv. Borang Kebenaran Ibu Bapa/ Penjaga (jika berkaitan)
  - v. Borang Persetujuan penggunaan gambar dan imej.
4. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap.

#### **F. Hadiah dan Keputusan Pertandingan**

Tawaran hadiah bagi setiap kategori (Kategori I, II dan III) adalah seperti berikut:

i. Kategori I (13-15 tahun)

Hadiah Tempat Pertama	: RM 2,000 dan sijil penyertaan
Hadiah Tempat Kedua	: RM 1,500 dan sijil penyertaan
Hadiah Tempat Ketiga	: RM 1,000 dan sijil penyertaan

ii. Kategori II (16-18 tahun)

Hadiah Tempat Pertama	: RM 3,000 dan sijil penyertaan
Hadiah Tempat Kedua	: RM 2,000 dan sijil penyertaan
Hadiah Tempat Ketiga	: RM 1,000 dan sijil penyertaan

iii. Kategori III (19-24 tahun)

Hadiah Tempat Pertama	: RM 4,000 dan sijil penyertaan
Hadiah Tempat Kedua	: RM 3,000 dan sijil penyertaan
Hadiah Tempat Ketiga	: RM 2,000 dan sijil penyertaan

## **G. Tempoh pertandingan**

1. Tarikh tutup pertandingan adalah pada **31 Ogos 2017 (Khamis) jam 12:00 tengah hari**.
2. Peserta dikehendaki menghantar melalui alamat emel [videosrh2017@gmail.com](mailto:videosrh2017@gmail.com) selewat-lewatnya pada **31 Ogos 2017 (Khamis) sebelum jam 12:00 tengah hari** dengan memuatnaik perkara-perkara seperti berikut:
  - 2.1 **LAMPIRAN A Borang Penyertaan Pertandingan Video Kreatif Kesihatan Seksual dan Reproduksi Remaja Peringkat Kebangsaan 2017 yang telah lengkap diisi (format PDF);**
  - 2.2 **LAMPIRAN B - Penyertaan berkumpulan sahaja (Format PDF);**
  - 2.3 **LAMPIRAN C – Borang Kebenaran Ibu Bapa bagi peserta dibawah umur 18 tahun (Format PDF);**
  - 2.4 **LAMPIRAN D – Borang Kebenaran Penggunaan Gambar / Imej (Format PDF);**
  - 2.5 **LAMPIRAN E – Sinopsis/ringkasan isi kandungan video (Format PDF);**
  - 2.6 **Sertakan pautan video (video link) di alamat emel [videosrh2017@gmail.com](mailto:videosrh2017@gmail.com)**

Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan penyertaan yang tiba lewat dari tarikh tutup.

---

**Untuk pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Urusetia  
Pertandingan Video Kreatif Kesihatan Seksual dan Reproduksi Remaja  
Peringkat Kebangsaan 2017**

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 7, Blok E10, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya

**Pn. Ervinna Marie Donny**  
03-8883 4106  
[ervinna.m@moh.gov.my](mailto:ervinna.m@moh.gov.my)

**Pn. Noor Hasliza**  
03-8883 4198  
[nhasliza.usup@moh.gov.my](mailto:nhasliza.usup@moh.gov.my)

**En. Mohamad Yazlie**  
03-8883 4086  
[yazlie\\_aizat@moh.gov.my](mailto:yazlie_aizat@moh.gov.my)

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

[www.infosihat.gov.my](http://www.infosihat.gov.my)  
[www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my)